

15/02/2003

Laporan kurikulum ambil masa enam bulan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa khas bagi mengkaji kurikulum sekolah kebangsaan dijangka menyiapkan laporan penuh mengenai langkah penyusunan semula sistem pendidikan peringkat rendah itu, dalam tempoh enam bulan dari sekarang.

Pengerusinya, Tan Sri Murad Mohd Noor, berkata bagi tempoh tiga hingga empat bulan pertama, mereka akan menyiapkan laporan mengenai sekolah agama, diikuti laporan mengenai penyusunan semula sekolah kebangsaan, yang dijangka mengambil masa tiga bulan.

Kedua-dua laporan itu, yang akan disertai cadangan bagaimana sekolah agama boleh diserapkan sebagai institusi mengikut Akta Pendidikan 1996, akan dikemukakan secara berasingan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jawatankuasa ini meletakkan sasaran untuk menyiapkan dua laporan itu secepat mungkin. Laporan awal hasil daripada beberapa mesyuarat sebelum ini telah pun dikemukakan kepada Dr Mahathir pagi kelmarin," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Perdana Menteri kelmarin mengumumkan kerajaan akan menyusun semula sekolah kebangsaan di seluruh negara dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran yang mencukupi untuk keperluan semua pelajar.

Langkah itu diambil kerana ketika ini seolah-olah tidak ada lagi sekolah kebangsaan berikutan terlalu banyak pindaan terhadap sistem pendidikan peringkat rendah itu.

Murad yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan berkata, jawatankuasa berkenaan dianggotai kalangan pakar termasuk dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan jabatan agama.

Mengenai laporan awal yang dikemukakan kepada Perdana Menteri kelmarin, Murad berkata ia menyentuh beberapa garis panduan dan pendekatan praktikal untuk menangani hal berkaitan di samping mengenal pasti kewujudan beberapa jenis sekolah agama di negara ini.

Jawatankuasa itu akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai bilangan pelajar dan masalah yang dihadapi oleh sekolah selain meneliti beberapa aspek sekolah agama seperti mengkaji serta mengenal pasti kurikulumnya.

"Kami juga akan mengenal pasti guru mengajar di sekolah ini dan apakah kelulusan mereka serta latihan iktisas yang diperolehi.

"Kita juga akan mengenal pasti kemudahan sedia ada dan yang patut diadakan di sekolah kebangsaan," katanya.

Beliau berkata, masalah yang dihadapi sekarang ialah ada pelbagai jenis sekolah agama seperti sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama negeri, sekolah agama swasta dan sekolah agama Kementerian Pendidikan.

Sekolah ini, katanya, mempunyai kurikulum dan pendekatan yang berasingan

walaupun ada yang menggunakan kurikulum Kementerian Pendidikan dan mengambil peperiksaan awam tertentu.

Murad berkata, jawatankuasa itu juga akan mengenal pasti unsur dan sifat

tertentu supaya semua sekolah berkenaan dapat diseragamkan di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan.

Selain itu, peranan agensi yang berkaitan dalam aspek pengurusan, pembiayaan, pembangunan dan falsafah agama di sekolah terbabit turut diteliti.

"Peranan jawatankuasa ini ialah mengemukakan kepada kerajaan satu syor yang lengkap dan mencadangkan pendekatan serta tindakan wajar berserta dengan implikasinya.

"Jawatankuasa ini juga akan membuat cadangan yang praktikal bagaimana sekolah ini boleh diserapkan sebagai institusi di bawah Akta Pendidikan 1996.

"Ini termasuklah mencari ciri-ciri yang akan menjadikan sekolah kebangsaan lebih menarik kepada semua pelajar," katanya.

Mengenai cadangan sesetengah pihak supaya kelas agama diadakan sebagai kelas tambahan, beliau berkata ia sukar dilaksanakan terutama bagi sekolah

dua sesi, di samping akan timbul kesulitan kepada ibu bapa dan pelajar.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petra, menyifatkan rombakan kurikulum sekolah rendah tepat pada masanya serta menepati keperluan semasa.

Beliau berharap kurikulum baru yang akan diperkenalkan nanti lebih praktikal supaya ia dapat memenuhi minat dan keperluan pelajar berbilang bangsa.

Pengerusi Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Prof Madya Dr Abd Rahman Daud, pula berkata rombakan itu perlu bagi mengatasi kelemahan sistem sekolah kebangsaan dalam pelbagai aspek termasuk kurikulum, guru dan infrastruktur.

"Kelemahan yang ada perlu dikaji dan diatasi kerana ada pihak yang menganggap sekolah kebangsaan tidak menarik serta membandingkan kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan (SJK).

"Semua aspek perlu diteliti supaya sekolah kebangsaan kembali menjadi pilihan pelajar berbilang bangsa," katanya.